



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 9 & 10, BLOK E7, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 W.P. PUTRAJAYA



SIRIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001 : 2008
Registration No : AR 4600

Telefon : (03)8883-3888

Faksimili : (03)8888-8835/36/37

Ruj. Kami: (31) dlm.KK(S)-523(681) Jld. 2

Tarikh: 26 November 2013

SEPERTI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN BSM BILANGAN 8 TAHUN 2013

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA YANG BERADA DI GRED LANTIKAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana yang YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2013** telah memaklumkan keputusan Kerajaan berhubung penambahbaikan pelaksanaan dasar kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan. Dengan penambahbaikan laluan kerjaya ini, tempoh kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) telah dipendekkan daripada 15 tahun kepada 13 tahun dan ianya **berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013**. Sehubungan dengan itu, garis panduan ini dikeluarkan bertujuan bagi menetapkan kaedah pelaksanaan urusan kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan (KUP 13 tahun) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersesuaian dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2013 yang dikeluarkan oleh JPA.
3. Penerangan terperinci mengenai penjawat awam yang layak dan tidak layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat secara KUP 13 tahun ini dinyatakan dengan jelas seperti di **Lampiran A**.
4. KKM telah bersetuju untuk melaksanakan urusan kenaikan pangkat KUP 13 tahun ini sama seperti pelaksanaan kenaikan pangkat KUP 15 tahun iaitu dengan penglibatan semua Ketua Jabatan/Pengurus Sumber Manusia di peringkat

..2/

JKN/Institusi dengan sedikit penambahbaikan. Pelaksanaan urusan ini adalah seperti yang diterangkan dalam proses kerja dan carta alir di **Lampiran B** dan **Lampiran C**.

5. Urusan kenaikan pangkat KUP 13 tahun ini dilaksanakan secara berterusan kepada semua penjawat awam yang telah genap 13 tahun perkhidmatan mulai 1.7.2013 serta memenuhi syarat yang ditetapkan. Untuk makluman, kenaikan pangkat KUP 13 tahun ini adalah diasaskan kepada penetapan tarikh kenaikan pangkat seperti di **Lampiran D**. Dimaklumkan, tarikh kenaikan pangkat KUP 13 tahun ini adalah mengambil kira tempoh perkhidmatan 13 tahun yang boleh diambil kira dan tertakluk kepada perakuan Ketua Jabatan, bebas hukuman tatatertib, telah isytihar harta, bebas pinjaman tegar dan bebas tapisan keutuhan SPRM di mana urusan tapisan keutuhan SPRM ini diuruskan oleh Bahagian Sumber Manusia (BSM), KKM.

6. Kumpulan perkhidmatan yang layak dan terlibat untuk urusan KUP 13 tahun ini adalah semua skim perkhidmatan Kumpulan Pelaksana I dan II yang masih berada di gred lantikan dan telah mencapai tempoh 13 tahun perkhidmatan. Walau bagaimanapun, bagi skim perkhidmatan di Gred 1 hingga 10 termasuk skim perkhidmatan jumud yang diberi opsyen lantikan ke Gred 11, KUP 13 tahun bagi pegawai hanya dibuat apabila mencapai 13 tahun perkhidmatan sekiranya pegawai **menangguhkan** opsyen tukar lantik. Bagi pegawai yang memilih untuk opsyen pada Januari 2014 maka KUP 13 tahun pegawai atau tempoh perkhidmatan 13 tahun dikira mulai Januari 2014. Senarai jawatan-jawatan Gred 1 hingga 10 dan jawatan jumud yang terlibat dengan opsyen ke Gred 11 adalah seperti di **Lampiran E** dan **Lampiran F**. Semua perakuan Ketua Jabatan mestilah menggunakan borang **Lampiran B1/Lampiran B3** seperti di Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2013 dan **Borang NPS 8.4**.

7. Oleh kerana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2013 telah dikebelakangkan tarikh kuat kuasanya pada 1.7.2013, maka YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan perlulah mengambil tindakan berikut;

- 7.1 menyelesaikan dan mengemukakan perakuan kepada urus setia Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) di BSM, KKM semua urusan yang **tertangguh** bagi kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) 15 tahun sehingga **tarikh genap perkhidmatan 15 tahun sebelum 1 Julai 2013** dengan mengguna pakai **Borang NPS 8.3** berdasarkan kaedah yang lama. Tempoh mengemukakan permohonan kepada urus setia LKP adalah sehingga **31 Disember 2013**;

- 7.2 mengenal pasti pegawai-pegawai yang telah **berkhidmat melebihi 13 tahun sebelum 1 Julai 2013** dan mengemukakan perakuan ke BSM menggunakan Borang NPS 8.3 sebelum atau pada **31 Disember 2013**; dan
- 7.3 bagi pegawai yang **berkhidmat genap 13 tahun pada 1 Julai 2013 dan seterusnya**, penilaian kecemerlangan perlu segera dibuat dengan menggunakan **Borang Penilaian Kecemerlangan (Lampiran B1)** dan mengemukakan permohonan tersebut bersekali borang baru iaitu **Borang NPS 8.4** seperti yang disertakan.
8. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan secara berterusan;
- 8.1 memantau dan memastikan penilaian kecemerlangan dibuat dalam tempoh **tiga (3) bulan** sebelum pegawai-pegawai di bawah seliaan genap tempoh 13 tahun perkhidmatan;
- 8.2 menyokong dan membuat penilaian kecemerlangan pegawai selaras dengan markah LNPT;
- 8.3 mengemukakan perakuan kenaikan pangkat KUP kepada urus setia LKP walaupun pegawai tidak diperaku/memperoleh markah LNPT rendah/penilaian kecemerlangan kurang memuaskan untuk pemantauan urus setia LKP bagi menetapkan tarikh kenaikan pangkat akan datang;
- 8.4 memastikan tidak ada pegawai yang telah genap 13 tahun perkhidmatan atau lebih dan telah memenuhi syarat tercicir daripada diberikan kenaikan pangkat secara KUP 13 tahun untuk mengelakkan permohonan lewat diterima dan diproses;
- 8.5 melantik Panel Rayuan bagi memastikan pegawai yang tahap penilaian kecemerlangan kurang memuaskan dinilai semula dan dikemukakan segera kepada urus setia LKP untuk diberikan pertimbangan selanjutnya;
- 8.6 memastikan tarikh genap 13 tahun perkhidmatan pegawai adalah tepat dan betul setelah ditolak semua tempoh perkhidmatan yang tidak boleh diambil kira;

8.7 menyediakan skop tugas tambahan yang bersesuaian; dan

8.8 memastikan penilaian kecemerlangan yang baru dibuat kepada pegawai yang gagal rayuan dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh LKP, KKM bersidang.

9. Dalam melaksanakan urusan ini Penyelia dan Ketua Jabatan merupakan orang yang bertanggungjawab untuk membuat penilaian kecemerlangan dan mengemukakan keputusan penilaian kecemerlangan tersebut kepada urus setia LKP, KKM. Untuk tujuan penyeragaman dan fahaman bersama penetapan Penyelia, Ketua Jabatan dan Pengerusi Panel Rayuan telah dipersetujui oleh KSU, KKM seperti berikut;

PENYELIA	Pegawai Penilai Pertama LNPT
KETUA JABATAN	Pegawai Penilai Kedua LNPT
PENGERUSI PANEL RAYUAN	Ketua PTJ

10. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan urusan ini, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai di BSM, KKM seperti berikut:

- | | | | |
|------|---|---|-------------------------------------|
| i. | Encik Mohamad Ribwan bin Abas
Unit Naik Pangkat (Sokongan) | : | 03-88832737
ribwan@moh.gov.my |
| ii. | Puan Goh Yee Lian
Unit Naik Pangkat (Sokongan) | : | 03-88832443
yeelian@moh.gov.my |
| iii. | Puan Nor Hasfazila binti Abdullah
Unit Naik Pangkat (Sokongan) | : | 03-88832741
hasfazila@moh.gov.my |
| iv. | Puan Zulaila binti Sulleman
Unit Naik Pangkat (Sokongan) | : | 03-88832738
zulaila_s@moh.gov.my |

11. Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ROGAYAH BINTI A.BAKAR)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia.

s.k.:

- KSU
- KPK
- TKSU (Pengurusan)
- TKSU (Kewangan)
- TKPK (Perubatan)
- TKPK (Kesihatan Awam)
- TKPK (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- Semua Setiausaha Bahagian / Pengarah, IPKKM

SENARAI EDARAN

- Setiausaha Bahagian,
Bahagian Khidmat Pengurusan
- Setiausaha Bahagian,
Bahagian Pengurusan Latihan
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Pulau Pinang
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah,
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
- Pengarah,
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah,
Institut Kesihatan Umum
- Pengarah,
Institut Pengurusan Kesihatan
- Pengarah,
Institut Penyelidikan Perubatan
- Pengarah,
Institut Perubatan Respiratori
- Pengarah,
Pusat Darah Negara
- Pengarah,
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
- Pengarah,
Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC)
- Pengarah,
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan

- Pengarah,
National Institute of Health
- Pengarah,
Kolej Latihan Pergigian Pulau Pinang
- Pengarah,
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

**PEGAWAI YANG LAYAK DAN TIDAK LAYAK UNTUK KENAIKAN PANGKAT
SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (KUP 13 TAHUN)**

1. PEGAWAI YANG LAYAK

Pegawai yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan adalah seperti berikut:

- i. pegawai yang dilantik **secara tetap** oleh Pihak Berkuasa Melantik, masih berada di **gred lantikan** dan telah memenuhi tempoh perkhidmatan **13 tahun atau lebih** dalam skim perkhidmatan semasa pada 1 Julai 2013;
- ii. pegawai dalam **Skim Perkhidmatan Bersepadu** yang berada di gred kenaikan pangkat yang **setara dengan gred lantikan permulaan** dalam sesuatu kumpulan kelayakan masuk seperti Penolong Pegawai Latihan Vokasional yang dinaikkan pangkat ke Gred J30 (setara Gred J29) dan Pereka yang dinaikkan pangkat ke Gred B18 (setara Gred B17);
- iii. pegawai yang meninggal dunia pada atau selepas 1 Julai 2013 dan telah berkhidmat 13 tahun ke atas;
- iv. pegawai yang memilih untuk kekal dalam Sistem Saraan Baru (SSB)/ Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) layak dipertimbangkan dalam urusan ini tertakluk kepada syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan di bawah SSB/ JKK 1976; dan
- v. pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan jumud di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM)/ SSB/ JKK 1976 tertakluk kepada syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan.

2. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

Pegawai yang tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan adalah seperti berikut:

- i. pegawai yang dilantik secara terus ke gred kenaikan pangkat atau ke gred lantikan yang setara dengan gred kenaikan pangkat dalam Skim

Perkhidmatan Bersepadu seperti Pembantu Pegawai Latihan Vokasional yang dilantik ke Gred J21 setara Gred J22) dan Penerbit Rancangan yang dilantik ke Gred B31 (setara Gred B32);

- ii. pegawai dalam skim perkhidmatan tertentu yang diperuntukkan **tempoh *time-based* berbeza** seperti Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma, Konstabel dan Lans Koperal dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, Prebet dan Lans Koperal dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia; dan
- iii. pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Julai 2013.

**PROSES KERJA URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED*
BERASASKAN KECEMERLANGAN (KUP 13 TAHUN)**

BIL	PROSES KERJA	TINDAKAN
1.	Mengenal pasti pegawai-pegawai yang akan genap tempoh perkhidmatan 13 tahun.	Ketua Jabatan/Pengurus Sumber Manusia
2.	Mengedarkan Borang Penilaian Kecemerlangan kepada semua penyelia terlibat.	Pengurus Sumber Manusia
3.	Membuat penilaian kecemerlangan 3 bulan sebelum genap tempoh 13 tahun perkhidmatan bagi setiap pegawai yang layak.	Penyelia
4.	Mengumpul dan melengkapkan maklumat seperti LNPT, pengisytiharan harta, tatatertib, bebas peminjam tegar, Borang Penilaian (Lampiran B1) dan Borang NPS 8.4.	Pengurus Sumber Manusia
5.	Menyemak maklumat pegawai yang telah dikenal pasti berdasarkan syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan serta Borang Penilaian (Lampiran B1) dan Borang NPS 8.4.	Pengurus Sumber Manusia
6.	Mengeluarkan surat pemakluman yang telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang mencapai tahap kecemerlangan yang tidak memuaskan (Lampiran B2).	Pengurus Sumber Manusia
7.	Panel Rayuan bersidang sekiranya terdapat pegawai yang tidak berpuas hati dengan keputusan penilaian tersebut.	Panel Rayuan
8.	Mengemukakan perakuan kepada urus setia LKP, KKM mengikut senarai semak seperti di Lampiran G .	Pengurus Sumber Manusia
9.	Menyemak perakuan yang dikemukakan oleh PTJ dan mengemukakan maklumat pegawai kepada SPRM untuk tapisan keutuhan.	Urus setia LKP, KKM
10.	Menyediakan kertas perakuan naik pangkat kepada LKP, KKM.	Urus setia LKP, KKM

11.	Mengeluarkan surat penyiaran keputusan kenaikan pangkat kepada Ketua Jabatan untuk disampaikan kepada pegawai selepas LKP, KKM bersidang.	Urus setia LKP, KKM
12.	Menyediakan skop tugas tambahan kepada pegawai yang berjaya	Ketua Jabatan
13.	Mengarahkan pegawai mengisi kekosongan jawatan hakiki sekiranya terdapat keperluan dan tertakluk kepada kekosongan jawatan.	Ketua Jabatan
14.	Memaklumkan BSM, KKM status kekosongan dan pengisian jawatan terkini.	Pengurus Sumber Manusia

**Borang Penilaian *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan
(bagi Kumpulan Pelaksana yang telah berkhidmat 13 tahun dan lebih)**

A. MAKLUMAT PEGAWAI

(i) Nama dan No.KP : _____

(ii) Skim Perkhidmatan : _____

(iii) Jawatan dan Gred : _____

(iv) Kementerian / Jabatan : _____

(v) LNPT (3 tahun terkini) :

Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3 (terkini)

B. PENILAIAN PENYELIA

Saya _____ (nama) _____ (nama jawatan)
Gred _____ menilai pegawai ini seperti berikut:

	Rendah (1 markah)	Sederhana (2 markah)	Tinggi (3 markah)
a. Mempunyai sikap yang positif, teladan (<i>role model</i>) dan berketerampilan yang baik.	☐	☐	☐
b. Menunjukkan komitmen terhadap tugas semasa dan bersedia menerima tanggung jawab tambahan.	☐	☐	☐
c. Mempamerkan kesediaan untuk berkongsi pengetahuan / pengalaman dengan rakan sekerja / pegawai lain	☐	☐	☐
JUMLAH MARKAH			

Kategori	3 – 5 markah (Kurang memuaskan)	6 – 7 markah (Baik)	8 – 9 markah (Cemerlang)
[sila tanda (/) di ruangan yang disediakan berdasarkan jumlah markah yang diberi]	☐	☐	☐

C. ULASAN PENYELIA (jika ada)

Tarikh : _____

(Tandatangan Penyelia)

D. PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan penilaian kecemerlangan yang dibuat oleh penyelia tersebut.

Ulasan (jika ada) : _____

Tarikh : _____

(Tandatangan Ketua Jabatan)
Cop Rasmi

(borang ini hendaklah diklasifikasikan sebagai "**SULIT**" apabila ianya dilengkapkan)

**CONTOH PEMAKLUMAN
PEGAWAI YANG TIDAK MENCAPAI TAHAP YANG DITETAPKAN
BAGI PENILAIAN TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN**

Ruj. Kami :
Tarikh :

Nama Pegawai
No. Kad Pengenalan
Kementerian/ Jabatan

Tuan,

**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PENILAIAN *TIME-BASED*
BERASASKAN KECEMERLANGAN**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa tuan **tidak melepasi** tahap yang ditetapkan bagi penilaian *time-based* berasaskan kecemerlangan.

3. Sekiranya tuan tidak berpuas hati dengan keputusan penilaian tersebut, tuan boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Ketua Jabatan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan ini disampaikan selaras dengan Perenggan 7, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2013. Keputusan Panel Rayuan adalah muktamad.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(.....)
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian

(surat ini hendaklah diklasifikasikan sebagai “**SULIT**” apabila ianya dilengkapkan)

**Borang Penilaian Semula *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan
(bagi Kumpulan Pelaksana yang telah berkhidmat 13 tahun dan lebih)**

A. BUTIRAN PERAYU

(i) Nama dan No.KP : _____

(ii) Skim Perkhidmatan : _____

(iii) Jawatan dan Gred : _____

(iv) Kementerian / Jabatan : _____

(v) LNPT (3 tahun terkini) :

Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3 (terkini)

B. ULASAN PENYELIA

C. ULASAN PEGAWAI PENILAI YANG LEBIH TINGGI GREDNYA DARI PENYELIA

D. PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan penilaian kecemerlangan yang dibuat oleh pegawai penilai seperti di atas.

Ulasan (jika ada):

Tarikh : _____

(Tandatangan Ketua Jabatan)
Cop Rasmi

E. PENILAIAN SEMULA PANEL RAYUAN

	Rendah (1 markah)	Sederhana (2 markah)	Tinggi (3 markah)
a. Mempunyai sikap yang positif, teladan (<i>role model</i>) dan berketerampilan yang baik.	☐	☐	☐
b. Menunjukkan komitmen terhadap tugas semasa dan bersedia menerima tanggung jawab tambahan.	☐	☐	☐
c. Mempamerkan kesediaan untuk berkongsi pengetahuan / pengalaman dengan rakan sekerja / pegawai lain	☐	☐	☐
JUMLAH MARKAH			


Kategori	3 – 5 markah (Kurang memuaskan)	6 – 7 markah (Baik)	8 – 9 markah (Cemerlang)
[sila tanda (/) di ruangan yang disediakan berdasarkan jumlah markah yang diberi]	☐	☐	☐

F. ULASAN Pengerusi PANEL RAYUAN (jika ada)

Tarikh : _____

(Tandatangan Pengerusi Panel Rayuan)(borang ini hendaklah diklasifikasikan sebagai "**SULIT**" apabila ianya dilengkapkan)

CARTA ALIR PROSES KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (KUP 13 TAHUN)



**PENETAPAN TARIKH KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED*
BERASASKAN KECEMERLANGAN (KUP 13 TAHUN)**

Bagi pegawai yang tidak memenuhi syarat markah LNPT yang ditetapkan, pegawai layak dipertimbangkan semula pada tahun berikutnya berasaskan LNPT terkini. Ini bermakna tarikh kenaikan pangkat pegawai adalah pada 1 Januari tahun pegawai mencapai prestasi yang ditetapkan atau 6 bulan selepas pegawai memenuhi tempoh perkhidmatan, mana yang terkemudian.

Contoh kaedah penetapan tarikh kenaikan pangkat bagi pegawai yang tidak mencapai tahap prestasi yang ditetapkan adalah seperti berikut:

CONTOH 1:

Tarikh lantik Gred G17	:	10.11.2000
Tarikh genap 13 tahun	:	10.11.2013
Markah keseluruhan LNPT bagi 3 tahun terkini (2010, 2011, 2012)	:	70%
Tarikh dipertimbangkan oleh LKP	:	20.12.2013
Keputusan LKP	:	Tidak berjaya kerana markah prestasi rendah
Markah LNPT 3 tahun terkini (2011,2012, 2013)	:	81%
Dipertimbang semula	:	28.07.2014
Keputusan LKP	:	Berjaya
Tarikh pegawai mencapai prestasi baik	:	01.01.2013*
Tarikh 6 bulan selepas genap 13 tahun	:	10.05.2014*
Tarikh kenaikan pangkat G22	:	10.05.2014

* mana yang terkemudian

CONTOH 2:

Tarikh lantik Gred G17	:	08.05.2001
Tarikh genap 13 tahun	:	08.05.2014
Markah keseluruhan LNPT bagi 3 tahun terkini (2011, 2012, 2013)	:	73%
Tarikh dipertimbangkan oleh LKP	:	30.10.2014
Keputusan LKP	:	Tidak berjaya kerana markah prestasi rendah
Markah LNPT 3 tahun terkini (2012,2013, 2014)	:	78%
Dipertimbang semula	:	28.11.2015
Keputusan LKP	:	Tidak berjaya kerana markah prestasi rendah
Markah LNPT 3 tahun terkini (2013, 2014, 2015)	:	80%
Dipertimbang semula	:	03.06.2016
Keputusan LKP	:	Berjaya
Tarikh pegawai mencapai prestasi baik	:	01.01.2015*
Tarikh 6 bulan selepas genap 13 tahun	:	08.11.2014*
Tarikh kenaikan pangkat G22	:	01.01.2015

* mana yang terkemudian

SENARAI JAWATAN YANG TERLIBAT DENGAN OPSYEN KE GRED 11

BIL	JAWATAN ASAL	GRED ASAL	JAWATAN BARU	GRED OPSYEN
1.	Pemandu Kenderaan	R3, R6	Pemandu Kenderaan	H11
2.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U3	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11
3.	Pembantu Am Pejabat	N1, N4	Pembantu Operasi	N11
4.	Pekerja Awam	R1, R4	Pembantu Awam	H11
5.	Pekerja Awam Khas	R3, R6	Pembantu Awam	H11

SENARAI JAWATAN JUMUD YANG TERLIBAT DENGAN OPSYEN KE GRED 11

Skim Perkhidmatan Jumud (JKK 1976)		Gred
1.	Anak Perahu	Gred R1, R4
2.	Drebar/Operator Wayang Gambar	Gred N11, N14
3.	Juruteknik Malaria	Gred U24
4.	Juruteknik Tibi	Gred U24
5.	Operator Mesin	Gred N1
6.	Pelayan	Gred N1, N4
7.	Pemandu Enjin Sangkut/Motobot	Gred R1, R4
8.	Pembantu Luar Hal Ehwal Orang Asli	Gred S11, S14
9.	Pencari Fail	Gred N1, N4
10.	Penghantar Cepat	Gred N1, N4
11.	Pegawai Kerani Rendah	Gred N11, N14
Skim Perkhidmatan Jumud (SSB)		Gred
1.	Bidan	Gred U11, U14
2.	Juruproses Filem X-Ray	Gred U11, U14
3.	Juruteknik Percetakan Rendah	Gred N11, N14
4.	Pembantu Hospital Rendah	Gred U11, U14
5.	Pembantu Teknologi Makmal Perubatan	Gred U11, U14
6.	Penyelenggara Stor Rendah	Gred N11, N14
Skim Perkhidmatan Jumud (SSM)		Gred
1.	Jaga	Gred R1, R4
2.	Kelasi/Jurumudi	Gred A1, A3/A4
3.	Pembantu Tadbir Rendah	Gred N11, N14
4.	Penolong Jururawat	Gred U11, U14

**SENARAI SEMAK (CHECKLIST) BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA
TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (KUP 13 TAHUN)
KUMPULAN PELAKSANA, KKM**

Sila pastikan dokumen-dokumen yang dihantar **disusun dengan kemas dan lengkap** mengikut susunan berikut;

	ADA	TIADA
1. Borang N.P (S) 8.4		
2. Lampiran B1/ B3 (mana yang berkenaan)		
3. Borang PP-1		
4. Cabutan Kenyataan Perkhidmatan yang menyatakan tarikh lantik & tarikh sah		

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA YANG BERADA DI GRED LANTIKAN YANG TELAH BERKHIDMAT 13 TAHUN DAN LEBIH DALAM SKIM PERKHIDMATAN DAN PERKHIDMATAN SEMASA DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

(A) DIISI OLEH KETUA JABATAN**1. Maklumat Pegawai:**

- (a) Nama Penuh :
(seperti dalam Kad Pengenalan)
- (b) Jawatan / Gred :
- (c) Nombor Kad Pengenalan :
- (d) Tarikh Lahir / Umur :
- (e) Alamat Tempat Bertugas Pegawai :
- (f) Nombor Telefon Pejabat Pegawai :
- (g) Nombor Telefon Bimbit Pegawai :

2. Maklumat perkhidmatan pegawai di **skim pekhidmatan sekarang :**

- (a) Tarikh Lantik :
- (b) Tarikh Sah :

(Sila kemukakan **cabutan kenyataan perkhidmatan** yang menunjukkan **tarikh lantik** dan **tarikh sah** jawatan sekarang)

3. Maklumat Tempoh Perkhidmatan Yang Tidak Boleh Diambil Kira:

Bil	Perkara	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Tempoh
i.	Pelanjutan Tempoh Percubaan Dengan Denda:			
ii.	Cuti Separuh Gaji Kecuali Cuti Belajar. Nyatakan: (a) (b) (c)			
iii.	Cuti Tanpa Gaji Kecuali Cuti Belajar. Nyatakan: (a) (b) (c)			
iv.	Tempoh Tidak Hadir Bertugas:			
	Jumlah tempoh keseluruhan			

4. Tindakan Tatatertib Sepanjang Tempoh Perkhidmatan : * **Ada / Tiada / Dalam Siasatan**.
Jika **ada / dalam siasatan**, nyatakan:-

Jenis Hukuman :

Tarikh Hukuman :

Jenis Kesalahan :

5. Tarikh layak diberi kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang :
(untuk tempoh perkhidmatan 13 tahun yang boleh diambil kira)

6. Tarikh Kelulusan Pengisytiharan Harta **Terkini** :

7. Status Pinjaman Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan: * **Ada / Tiada**
(Sila sertakan salinan **Borang PP-1**)

Disediakan oleh :

.....
(Tandatangan)

Nama :

Jawatan / Gred :

Tarikh :

Cop Jabatan :

8. Perakuan Ketua Jabatan

Disahkan bahawa maklumat pegawai di atas adalah betul dan tepat serta pegawai telah memenuhi syarat-syarat untuk dipertimbangkan dalam Urusan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Yang Berada Di Gred Lantikan.

Saya ***menyokong / tidak menyokong** (nama penuh pegawai yang diperakukan) untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyanggah (KUP) bagi urusan ini.

Ulasan (jika tidak menyokong)

.....
.....
.....
.....

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama :

Jawatan / Gred :

Tarikh :

Cop Jabatan :

*** Potong mana yang tidak berkenaan**